

06/01/2004

Pertahan keamanan cabaran baru 2004

Azimi Daim

ANTARA doa yang paling berkesan di hati sempena tahun baru ini ialah doa seorang teman rapat. Katanya: "Fikiran yang tenteram, jiwa yang tenang, semangat yang ceria, tahun yang 'menguntungkan' dan hati yang penuh kasih sayang adalah doa kami untuk anda."

Betapa bahagiannya menerima ucapan sedemikian daripada seorang kawan. Tentulah dia seorang yang bahagia dan membahagiakan. Doanya bagaikan memenuhi harapan kita sepenuhnya. Selalunya ibu dan bapa yang mendoakan kita begitu setiap kali bertemu.

Kita menaruh harapan untuk menikmati pemulihan ekonomi dengan ceria sepanjang 2003. Saat paling membahagiakan ialah menyaksikan dan menilai pengajaran besar daripada peralihan kuasa Perdana Menteri kita daripada Tun Dr Mahathir Mohamad kepada Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi. Tambahan pula peralihan kuasa kali ini bukan saja tradisi pemimpin watan kita, tetapi suasana Malaysia jauh berbeza daripada kebanyakan negara lain, termasuk Amerika Syarikat, Britain, sekitar Eropah dan Asia Barat.

Namun, 2003 dinodai pencerobohan Iraq pada 20 Mac yang masih menjajah negara Teluk itu, dunia dikejutkan dengan wabak Sindrom Pernafasan Yang Teruk (SARS) pada Mei dan keamanan terus terancam oleh beberapa siri letupan dan tindakan pengebom berani mati di pelbagai negara, termasuk Indonesia.

Ancaman penggunaan kekerasan oleh Amerika Syarikat dan sekutunya di seluruh dunia membangkitkan gerakan rakyat untuk keamanan sejagat menerusi Perikatan Keamanan Rakyat Malaysia (Aman Malaysia). Menteri Belia dan Sukan, Datuk Hishammuddin Hussein bersama Aman Malaysia berjaya menggembleng pelbagai lapisan masyarakat, termasuk menggerakkan pelajar, pertubuhan belia, wanita, profesional, sukarelawan dan rakyat kebanyakan.

Pada fasa pertama Aman Malaysia berjaya mengumpulkan 250,000 rakyat Malaysia menyuarakan keamanan di Stadium Bukit Jalil sempena Sidang Kemuncak Pergerakan Negara Berkecuali (NAM) dan mengutip lebih RM2 juta. Fasa kedua pula menyaksikan suara keamanan dilaungkan kepada delegasi Sidang Kemuncak Ketua-Ketua Negara Pertubuhan Persidangan Islam (OIC).

Keberkesanan suara rakyat Malaysia itu tidak boleh diukur bersendirian, tetapi ia menjadi sebahagian usaha bersepadu pejuang keamanan di seluruh dunia. Kalau dulu Dr Mahathir bagaikan bersuara seorang, kini keamanan sudah menjadi perjuangan warga Malaysia dan bersama pelbagai pihak di seluruh dunia, masyarakat antarabangsa semakin menyedari nilai perpaduan dan keamanan. Tembelang George W Bush yang selalu temberang turut terbongkar.

Harapan ramai pada 2004 juga mahukan tahun yang bersih daripada tragedi. 2003 yang mencatatkan beberapa pemulihan ekonomi dikejutkan beberapa siri pembunuhan (seperti Canny Ong dan Noritta Samsudin) dan kemalangan ngeri. Namun kejayaan anak muda Malaysia seperti Datuk Malik Maidin menakluki Selat Inggeris dan Muhammad Syahril Pabir tetap mengubat jiwa.

Pencapaian atlit negara di Sukan Sea juga menambah ceria 2003, terutama apabila mereka berjaya dalam acara memanah, angkat berat dan trek, terutama Nazmizan Muhammad yang muncul sebagai Raja Pecut Asia Tenggara.

Kemajuan golongan muda pada 2004 dijangka lebih gemilang kerana ketika pertubuhan belia masih belum berupaya menjadi favourite generasi baru, Program Khidmat Negara yang dicadangkan oleh Kementerian Belia dan Sukan (KBS) kini mula mengisi minda dan membentuk jati diri peserta.

Program Khidmat Negara menjadi pelengkap yang bersepadu dengan pelbagai

kegiatan anak muda dalam Program Rakan Muda. Walaupun Rakan Muda tidak diberikan pendekatan pentadbiran British dengan menamatkannya dan diganti baru, dari bangku sekolah, ke politeknik, universiti, pertubuhan seni pertahanan diri dan kumpulan sukan ekstrem, Rakan Muda masih menjadi pilihan generasi baru yang ingin aktif.

Dengan sokongan publisiti yang meluas Program Khidmat Negara menjadi tumpuan dan mendapat sambutan hangat anak muda. Kegiatan yang menggabungkan tenaga KBS dan Kementerian Pertahanan itu bakal sempurna melatih 85,000 peserta, tidak lama lagi.

Jika rakan media dapat terus merangsang minat terhadap Program Rakan Muda, bilangan penyertaan berjumlah 3.5 juta orang kini boleh saja meningkat dan memberi manfaat besar kepada negara. Dengan pelbagai pakej, termasuk pesertanya mendapat keutamaan ketika memohon pekerjaan dan tempat melanjutkan pelajaran.

Tambahan pula, sebahagian daripada graduan yang sudah memasuki alam kerjaya menubuhkan persatuan profesional dan gerakan masing-masing. Kelompok ini mempunyai haluan sendiri berdasarkan cita rasa baru. Bila ditanya, mereka tidak mahu lari dari imej NGO belia dan kesatuan era 1970-an dan 1980-an yang diwarnai kerenah politik dalaman.

Sepanjang awal alaf 2000 ini, kebanyakan generasi belia yang menuntut di institusi pengajian tinggi turut mengharumkan nama negara. Namun, kebanyakan mereka bertungkus lumus mencari sendiri sumber kewangan. Pelajar Universiti Teknologi Mara yang mendaki puncak Kalapathar di Himalaya menjadi contoh kegigihan dan komitmen anak muda.

Dalam pada itu, tanggung jawab semua generasi belia masih besar. Menyedari hal itu agaknya, Majlis Belia Melaka menerima geran RM200,000 daripada KBS bulan lalu untuk melaksanakan pelbagai programnya.

Pada alaf 2000 ini, nampaknya generasi belia sudah mempunyai hala tuju baru. Rentetan gerakan pada 2003, cabaran untuk mereka pada 2004 jelas sekali adalah untuk mempertahankan keamanan dan kemajuan Malaysia. Sesungguhnya bagi Muslim, mempertahankan perpaduan, keamanan dan meluaskan kemajuan adalah ajaran Islam yang mesti diperjuangkan.